

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 20.10.2015
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah kuasa yang membolehkan RM500,000 disalurkan kepada Tabung Kebajikan ATM untuk kegunaan apa dan apakah Akta yang membenarkannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan RM500,000.00 yang disalurkan kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah merupakan sumbangan Kerajaan untuk kebajikan anggota-anggota tentera dan keluarga mereka dalam perkhidmatan. Sumbangan ini adalah merupakan sumbangan 'one-off' dan bertujuan untuk melaksanakan beberapa projek kebajikan untuk warga tentera bersama keluarga mereka.